

BAB EMPAT

ANALISIS KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini akan membentangkan hasil analisis data kajian dan huraian yang diperolehi daripada responden melalui soal selidik berdasarkan kepada soalan-soalan kajian yang telah ditetapkan. Dapatan kajian dibentangkan mengikut bahagian-bahagian tertentu berdasarkan kepada analisis diskriptif. Melalui analisis diskriptif ini, peratusan, min dan taburan skor digunakan bagi menjelaskan maklumat berkaitan latar belakang responden, pendapat responden berkaitan pembelajaran dan pengajaran BA serta penguasaan dalam tajuk kajian iaitu *al-'adad wa al-ma'du:d* BA.

4.2 Latar Belakang Responden

Bahagian ini membentangkan maklumat mengenai latar belakang responden secara umum, berdasarkan jantina, bangsa, umur, pekerjaan ibu bapa serta dorongan untuk mempelajari BA. Responden kajian terdiri daripada 100 orang pelajar yang sedang menuntut di dua buah sekolah menengah agama di daerah Kuala Kangsar, Perak iaitu 50 orang pelajar daripada al-Madrasah al-Idri:siyyat, Bukit Chandan dan 50 orang pelajar daripada Sekolah Menengah Agama Ma'had al-Mi:zan, Jeliang.

Latar belakang responden adalah seperti yang dinyatakan di dalam jadual 4.1 dan jadual 4.2 di bawah iaitu sebanyak 41 responden (41%) adalah pelajar lelaki dan 59 responden (59%) adalah pelajar perempuan. Daripada aspek umur pula, didapati seorang responden (1%)

berusia 20 tahun, dua orang (2%) berusia 18 tahun, 93 responden (93%) berusia 17 tahun manakala 4 responden (4%) berusia 16 tahun. Walaupun berbeza usia, tetapi kesemua responden adalah merupakan penuntut tingkatan lima di lokasi kajian dan bakal menghadapi peperiksaan SPM pada bulan November 2009.

JADUAL 4.1 Maklumat Latar Belakang Responden Mengikut Jantina

Latar Belakang Responden		
Jantina	Jumlah	Peratus
Lelaki	41	41%
Perempuan	59	59%
Jumlah	100	100%

JADUAL 4.2 Maklumat Latar Belakang Responden Mengikut Umur

Umur	Jumlah	Peratus
20 tahun	1	1%
19 tahun	0	0%
18 tahun	2	2%
17 tahun	93	93%
16 tahun	4	4%
Jumlah	100	100%

Dapatan menunjukkan latar belakang pekerjaan bapa-bapa para responden mengikut urutan adalah seperti berikut; 20 orang daripada bapa para responden merupakan guru, 18 orang bekerja sendiri sama ada sebagai petani, penoreh getah dan sebagainya, 12 orang terlibat dengan bidang perniagaan, 12 orang merupakan pekerja di sektor sokongan sebagai kerani, 10 orang merupakan pesara, sembilan orang terlibat dengan pasukan keselamatan sama ada sebagai anggota tentera atau polis, sembilan orang terlibat dengan sektor perkilangan dan tujuh orang merupakan golongan profesional yang terdiri daripada pegawai kerajaan; empat orang, pensyarah, eksekutif, dan pengurus; masing-masing seorang. Tiga orang responden didapati tidak menyatakan pekerjaan bapa mereka.

Manakala bagi ibu-ibu para responden pula; 52 orang merupakan suri rumah yang tidak bekerja, 44 orang mempunyai pekerjaan lain di luar rumah dan empat orang responden tidak menyatakan pekerjaan ibu mereka. Dapatan ini menunjukkan bahawa para responden datang daripada latar belakang keluarga yang berbeza-beza.

Daripada aspek dorongan mempelajari BA pula, sejumlah 48 responden (48%) menyatakan mereka mempelajari BA atas dorongan dan saranan ibu bapa manakala bakinya sebanyak 52 responden (52%) menyatakan mereka mempelajarinya atas dasar minat dan dorongan diri masing-masing. Tiada seorang pun responden yang menyatakan bahawa mereka memilih BA atas dorongan guru-guru semasa di sekolah rendah ataupun atas dorongan rakan-rakan.

Responden yang menyatakan dorongan mempelajari BA adalah atas dasar minat diri sendiri telah diminta menyatakan sumber dorongan tersebut. Empat pilihan jawapan telah diberikan iaitu melalui pembacaan dan media massa, latar belakang keluarga, ingin

mendalami ilmu agama dan ingin menguasai bahasa kedua. Dapatan kajian berkaitan sumber dorongan mempelajari BA dinyatakan dalam jadual 4.3 di bawah.

JADUAL 4.3 Sumber Dorongan Mempelajari BA

Sumber Dorongan	Jumlah	Peratus
Melalui pembacaan dan media massa	1	1.9%
Latar belakang keluarga	7	13.5%
Ingin mendalami ilmu agama	41	78.8%
Ingin menguasai bahasa kedua	3	5.8%
Jumlah	52	100%

Melalui dapatan kajian, didapati 41 responden (78.8%) menyatakan mereka berminat dengan pembelajaran BA kerana faktor ingin mendalami ilmu agama, tujuh responden (13.5%) menyatakan mereka berminat mempelajari BA atas dasar latar belakang keluarga, 3 responden (5.8%) menyatakan berminat kerana faktor ingin menguasai bahasa kedua dan seorang responden (1.9%) menyatakan dia memperolehi dorongan melalui pembacaan dan media massa. Daripada dapatan ini, didapati bahawa faktor keinginan untuk mendalami ilmu agama adalah merupakan faktor terbesar yang telah menarik minat para responden untuk memasuki aliran agama dan mempelajari BA, selain daripada faktor-faktor lain seperti yang telah dinyatakan.

4.3 Pembelajaran Dan Pengajaran BA

Bahagian ini membentangkan dapatan kajian bagi mengetahui tahap minat responden dengan pembelajaran BA secara keseluruhan serta tajuk kajian secara khusus. Begitu juga dengan pandangan mereka mengenai penguasaan beberapa kemahiran asas BA. Sebanyak 16 item telah digunakan untuk mengenalpasti pandangan pelajar mengenai proses pengajaran dan pembelajaran BA ini.

4.3.1 Tahap Minat Responden Dengan Pembelajaran Ilmu Nahu

Jadual 4.4 menunjukkan tahap minat para responden dengan pembelajaran Ilmu Nahu BA yang telah mereka tempuhi selama mempelajari BA di sekolah. Daripada jadual yang dibentangkan, didapati tahap minat para responden dengan pembelajaran Nahu BA ini, berada di tahap yang sederhana sahaja.

Skor terkumpul tertinggi para responden berada di tahap sederhana iaitu sebanyak 44%, manakala yang menyatakan minatnya amat tinggi hanya 15% sahaja. Yang menyatakan minatnya tinggi pula sebanyak 29%. Manakala 11% responden menyatakan minat mereka dengan pembelajaran Nahu BA berada pada tahap rendah.

JADUAL 4.4 Tahap Minat Dengan Pembelajaran Ilmu Nahu BA

Skor	Jumlah	Peratus
Amat tinggi	15	15%
Tinggi	29	29%
Sederhana	44	44%
Rendah	11	11%
Tidak menjawab	01	1%
Jumlah	100	100%

Untuk menjawab persoalan mengapa skor terkumpul responden lebih besar di tahap sederhana dan rendah ini, alasan responden berkaitan dengan pembelajaran Nahu BA diambil kira. Melalui dapatan daripada alasan yang diberikan oleh responden yang menyatakan minat mereka berada di tahap sederhana atau lemah ini, didapati 15 orang responden menyatakan tidak memahami pengajaran Nahu, 12 responden menyatakan sukar untuk menguasai Ilmu Nahu, enam orang responden menyatakan kurang berminat dengan pembelajaran, dua orang menyatakan keliru dengan pembelajaran berkaitan, dua orang responden menyatakan pengajaran dan pembelajaran guru kurang menarik, seorang menyatakan tiada dorongan untuk belajar dan seorang menyatakan belajar hasil daripada suruhan ibu bapa, bukannya minat sendiri.

Jadual 4.5 di bawah menunjukkan taburan alasan yang telah dikemukakan oleh responden yang mempunyai tahap minat yang sederhana dan rendah terhadap pembelajaran Nahu.

JADUAL 4.5 Taburan Alasan Yang Dikemukakan Responden Yang Mempunyai Tahap Minat Sederhana dan Rendah

Alasan dikemukakan	Jumlah	Peratus
Tidak faham pengajaran	15	38.5%
Sukar menguasai pengajian nahu BA	12	30.8%
Kurang berminat dengan pengajaran	6	15.4%
Keliru dengan pembelajaran berkaitan	2	5.1%
Pengajaran guru kurang menarik	2	5.1%
Tiada dorongan belajar	1	2.6%
Belajar atas kehendak ibu bapa	1	2.6%
Jumlah	39	100%

Kesimpulan yang boleh dibuat daripada alasan-alasan yang telah dinyatakan oleh setiap responden ini ialah faktor guru juga banyak menyumbang ke arah menurunnya minat para pelajar dalam mempelajari Nahu BA. Kebanyakan alasan yang diberikan menjuruskan ke arah kelemahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran seperti tidak memahami pengajaran guru, kurang berminat dengan pembelajaran, pengajaran tidak menarik, keliru dengan pembelajaran dan tiada dorongan untuk belajar. Justeru, sesuatu perlu dilakukan bagi menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran BA sentiasa menarik minat dan tumpuan para pelajar untuk belajar dan menguasai topik berkaitan dengan Ilmu Nahu ini.

4.3.2 Tahap Minat Responden Dengan Tajuk Kajian

Al-'adad wa al-ma'du:d adalah merupakan salah satu topik perbincangan dalam Ilmu Nahu BA. Oleh yang demikian, dapatan soal selidik berkaitan dengan tahap minat berkenaan dengan topik kajian ini selaras dengan dapatan soal selidik tahap minat responden terhadap mata pelajaran Nahu BA. Peratus responden yang menyatakan minat mereka amat tinggi hanya 2% sahaja, manakala yang menyatakan minat mereka adalah tinggi ialah sebanyak 29%. Skor terbesar ialah pada tahap sederhana iaitu sebanyak 53%. Manakala 15% responden menyatakan minat mereka mengenai tajuk kajian adalah di tahap rendah.

Jadual 4.6 menunjukkan dapatan soal selidik mengenai tahap minat responden dengan tajuk kajian, *al-'adad wa al-ma'du:d* dalam BA.

JADUAL 4.6 Tahap Minat Responden Dengan Tajuk Kajian

Skor	Jumlah	Peratus
Amat tinggi	2	2%
Tinggi	29	29%
Sederhana	53	53%
Rendah	15	15%
Tidak menjawab	1	1%
Jumlah	100	100%

Mengenai kepentingan menguasai *al-'adad wa al-ma'du:d* dalam komunikasi dengan orang yang berbahasa Arab, sebanyak 26% responden menyatakan sangat perlu, 58% responden menyatakan perlu, 4% responden menyatakan tidak perlu, manakala 12% responden

menyatakan tidak pasti. Ini menunjukkan bahawa para responden menyedari kepentingan menguasai *al-'adad wa al-ma'du:d* untuk memudahkan komunikasi harian mereka ketika bertutur atau menggunakan BA.

Para responden juga diminta menyatakan pendapat mereka mengenai pembelajaran tajuk *al-'adad wa al-ma'du:d* ini. Dapatan kajian menunjukkan 3% responden menyatakan tajuk ini sangat senang dikuasai, 52% responden menyatakan tajuk ini senang dikuasai, 42% responden menyatakan susah dikuasai dan 3% responden menyatakan sangat susah dikuasai.

Pendapat responden mengenai punca sukar mempelajari dan menguasai tajuk *al-'adad wa al-ma'du:d* pula, 46% responden menyatakan mereka keliru dengan jenis-jenis *al-'adad*, 14% menyatakan berpunca daripada banyak perbezaan peraturan kata bilangan di antara BM dengan BA, 27% menyatakan sukar menentukan *al-'adad wa al-ma'du:d* yang betul dalam ayat dan 12% pula menyatakan sukar membezakan di antara *al-'adad al-asliyy* dan *al-'adad al-tarti:biyy*.

Mengenai bahagian yang paling kerap dilakukan kesilapan dalam tajuk *al-'adad wa al-ma'du:d* pula; 63% menyatakan sukar menentukan tanda *i'ra:b* pada *al-'adad* dan *al-ma'du:d*, 15% menyatakan sukar menentukan *al-'adad* yang betul dalam ayat, 10% menyatakan sukar menentukan *al-ma'du:d* yang betul manakala 9% menyatakan keliru dengan penukaran kod di antara maskulin dan feminin semasa menggunakan *al-'adad* dan *al-ma'du:d*.

4.3.3 Kaitan Nahu Dengan Pemahaman Agama

Berkaitan dengan hubungan di antara penguasaan Ilmu Nahu dengan pemahaman nas-nas agama, didapati bahawa kesemua responden bersetuju dengan pernyataan “*penguasaan Ilmu Nahu yang baik amat membantu dalam memahami nas-nas berkaitan agama dengan tepat*”. Ini kerana sebanyak 70% memilih amat setuju dengan pernyataan yang diberikan, manakala bakinya 30% memilih setuju dengan pernyataan tersebut. Ini bermakna para responden mengaitkan pemahaman dan penguasaan nas-nas agama yang kesemuanya dalam BA dengan pemahaman dan penguasaan Ilmu Nahu BA. Jadual 4.7 di bawah menjelaskan lagi dapatan mengenai perkara ini.

JADUAL 4.7 Pandangan Responden Mengenai Kaitan Penguasaan Ilmu Nahu Dengan Pemahaman Nas Agama Dengan Tepat

Skor	Jumlah	Peratus
Amat setuju	70	70%
Setuju	30	30%
Tidak setuju	0	00%
Amat tidak setuju	0	00%
Jumlah	100	100%

4.3.4 Penguasaan Kemahiran Bahasa

Jadual 4.8 menunjukkan tahap penguasaan empat kemahiran asas bahasa iaitu kemahiran mendengar, kemahiran menulis, kemahiran membaca dan kemahiran bertutur bagi setiap

responden. Setiap responden diminta menilai tahap penguasaan masing-masing dengan jujur berdasarkan penilaian sendiri masing-masing mengikut skor Amat Tinggi, Tinggi, Sederhana dan Lemah.

Berdasarkan jadual 4.8, didapati purata kemahiran bahasa kebanyakan responden berada di tahap sederhana yang mana setiap kemahiran menunjukkan peratusan tertinggi di bahagian tersebut. Kecuali kemahiran membaca yang mana 58% responden berada pada tahap baik bagi kemahiran tersebut, manakala kemahiran-kemahiran lain meliputi menulis, mendengar dan juga bertutur mencatat peratus tertinggi pada skor sederhana. Kemahiran bertutur mencatatkan peratusan tertinggi bagi jumlah responden yang berada pada tahap lemah iaitu sebanyak 33% yang bersamaan dengan 33 orang responden.

JADUAL 4.8 Tahap Penguasaan Kemahiran Bahasa Responden

	Kemahiran Membaca	Kemahiran Menulis	Kemahiran Mendengar	Kemahiran Bertutur
Amat baik	2%	4%	1%	0%
Baik	58%	35%	35%	11%
Sederhana	34%	48%	51%	56%
Lemah	6%	13%	13%	33%
Jumlah	100%	100%	100%	100%

4.3.5 Pencapaian Semasa Responden Dalam Mata Pelajaran BA

Jadual 4.9 menunjukkan tahap pencapaian semasa semua responden dalam mata Pelajaran BAT. Untuk tujuan mendapat maklumat ini, markah pencapaian mereka di dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun 2009 telah diambil kira. Berdasarkan jadual 4.9, sebanyak 3% responden berada pada prestasi cemerlang dengan skor markah di antara 80% dan 100%, 35% responden berprestasi baik, 44% responden mendapat markah sederhana dan 18% responden yang lain pencapaiannya adalah lemah. Daripada dapatan ini, adalah disimpulkan bahawa kesemua responden yang menyertai soal selidik ini mewakili secara umumnya keseluruhan tahap pelajar-pelajar yang mempelajari BA di peringkat yang sama.

JADUAL 4.9 Pencapaian Semasa Responden Dalam BAT

Markah Pencapaian	Jumlah	Peratus
80 – 100	3	3%
60 – 79	35	35%
40 – 59	44	44%
Kurang dari 40	18	18%
Jumlah	100	100%

4.4 Penguasaan Al-‘Adad Wa Al-Ma‘du:d

Bab ini akan membincangkan mengenai penguasaan responden terhadap tajuk kajian iaitu *al-‘adad wa al-ma‘du:d* BA. Sebanyak 35 soalan telah disediakan untuk dijawab oleh setiap responden dan soalan-soalan ini boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu lapan soalan berkaitan dengan pengetahuan asas, tiga soalan berkaitan dengan menentukan

ayat yang mempunyai *al-ma'du:d* dengan fungsi nahuan yang berbeza dalam ayat, empat soalan merupakan soalan yang menghendaki responden melengkapkan ayat dengan perkataan pilihan untuk membentuk ayat yang sempurna, tiga soalan merupakan soalan terjemahan daripada BM ke BA, tiga soalan merupakan soalan terjemahan dari BA ke BM, lima soalan merupakan soalan berkaitan dengan masa atau jam yang bertujuan menguji kefahaman responden dengan penggunaan *al-'adad al-tarti:biyy* dalam BA, lima soalan berbentuk mengisi tempat kosong untuk melengkapkan satu perenggan pendek dengan *al-'adad* yang betul bagi membentuk perenggan yang sempurna dan empat soalan berbentuk *i'ra:b* yang menghendaki responden mengi'rabkan perkataan-perkataan bergaris.

Sebanyak lima pilihan jawapan telah disediakan untuk dipilih oleh responden yang mana pilihan jawapan yang terakhir ialah "*tidak tahu*". Pilihan jawapan ini bertujuan untuk mengesan permasalahan pembelajaran dalam kalangan responden berkaitan dengan soalan yang dikaji. Untuk tujuan berkenaan, setiap responden yang memilih jawapan ini dikehendaki menyatakan sebab-sebab mereka memilih jawapan berkenaan.

Sebanyak enam pilihan jawapan disediakan dan responden hanya dikehendaki menandakan (✓) bagi cadangan alasan yang dipersetujuinya. Enam pilihan jawapan berkenaan ialah:

- 1- tidak pernah belajar
- 2- belajar tetapi tidak faham
- 3- kurang buat latihan
- 4- tidak mengulangkaji
- 5- keliru
- 6- lain-lain, nyatakan...

Bagi memudahkan pembaca memahami dan menginterpretasi dapatan kajian, pengkaji mengkategorikan dan menginterpretasikan skor min kepada lima tahap. Ini dilakukan untuk mengetahui tahap penguasaan responden terhadap tajuk kajian iaitu *al-'adad wa al-ma'du:d* dalam BA. Interpretasi skor min dibahagikan kepada lima tahap seperti ditunjukkan dalam jadual 4.10 di bawah:

JADUAL 4.10 Interpretasi Skor Min

Skor Min (%)	Interpretasi
81 – 100	Amat baik
61 – 80	Baik
41 – 60	Memuaskan
21 – 40	Lemah
≤ 20	Amat lemah

Dalam menganalisis data dapatan kajian ini, pengkaji hanya membentangkan peratus responden yang menjawab dengan betul dan peratus responden yang memilih jawapan “*tidak tahu*” sahaja. Manakala peratus jawapan yang salah tidak dinyatakan. Ini bertujuan untuk mengelakkan kekeliruan. Dapatan daripada alasan responden yang memilih jawapan “*tidak tahu*” pula dinyatakan dalam bentuk kekerapan. Hal ini demikian kerana, dalam sesuatu bahagian soalan, responden berkemungkinan memberikan jawapan “*tidak tahu*” dan menyatakan alasannya lebih daripada sekali. Daripada dapatan kekerapan alasan yang dinyatakan, diharap aspek-aspek kesukaran dalam pembelajaran tajuk kajian serta puncanya dapat dikesan.

4.4.1 Soalan Berkaitan Dengan Pengetahuan Asas Al-‘Adad Wa Al-Ma‘du:d

Lapan soalan pertama yang dikemukakan kepada responden mengandungi maklumat-maklumat asas berkaitan dengan tajuk kajian. Responden diuji dengan soalan untuk tujuan menguji kepekaan mereka mengenai tajuk kajian serta kandungannya dan beberapa istilah yang sering digunakan dalam pelajaran tajuk *al-‘adad wa al-ma‘du:d* ini. Empat soalan terakhir daripada kumpulan soalan asas ini bertujuan untuk menguji kefahaman responden dalam membezakan di antara *al-‘adad* yang *mabniy* dengan *al-‘adad* yang *mu‘rab*.

Daripada dapatan kajian, didapati pengetahuan asas responden mengenai perkara asas berkaitan tajuk kajian berada pada tahap lemah. Kebanyakan responden gagal menjawab dengan tepat maklumat-maklumat asas berkaitan tajuk kajian termasuk menentukan jenis-jenis *al-‘adad* dalam BA dan membezakan di antara *al-‘adad* yang *mu‘rab* dengan *al-‘adad* yang *mabniy*. Sebanyak 89% responden menyatakan bahawa *al-‘adad wa al-ma‘du:d* adalah salah satu tajuk nahu dalam BAT, akan tetapi ada sebilangan kecil responden yang memberikan jawapan yang tidak meyakinkan terhadap soalan ini, iaitu sebanyak dua responden menyatakan “tidak”, enam responden menyatakan “tidak pasti” dan tiga responden pula menyatakan “*tidak tahu*”.

Bagi tiga responden yang menjawab “*tidak tahu*” pula, seorang menyatakan alasan “tidak pernah belajar” manakala dua lagi menyatakan “belajar tetapi tidak faham”. Alasan “tidak pernah belajar” dilihat tidak munasabah kerana hanya seorang responden mewakili 1% sahaja yang menyatakan yang demikian sedangkan majoriti responden menyatakan “ya” terhadap soalan ini.

Jadual 4.11 di bawah menunjukkan keseluruhan jawapan responden bagi soalan-soalan berkaitan dengan pengetahuan asas ini.

JADUAL 4.11 Tahap Penguasaan Pengetahuan Asas Al-‘Adad Wa Al-Ma‘du:d

Soalan	% Menjawab Dengan Betul	% Menjawab “Tidak tahu”
<i>Al-‘adad wa al-ma‘du:d</i> merupakan salah satu topik nahu BAT	89%	3%
Menentukan jenis-jenis <i>al-‘adad</i>	39%	29%
Membezakan di antara jenis-jenis <i>al-‘adad</i>	35%	14%
Tanda <i>i‘ra:b al-ma‘du:d</i> bagi <i>al-‘adad</i> مئة	6%	26%
Menentukan kumpulan <i>al-‘adad al-mabniy</i>	19%	21%
Menentukan <i>al-‘adad</i> yang <i>mabniy</i>	17%	21%
Menentukan ayat yang mengandungi <i>al-‘adad</i> yang <i>mu‘rab</i>	21%	25%
Menentukan ayat yang mengandungi <i>al-‘adad</i> yang <i>mabniy</i>	31%	21%
Skor Min	32.1%	

Soalan kedua memerlukan responden menentukan jenis-jenis *al-‘adad* dalam BA. *Al-‘adad* dalam BA terbahagi kepada empat jenis iaitu *al-‘adad al-mufrad*, *al-‘adad al-murakkab*, *al-‘adad al-‘uqu:d* dan *al-‘adad al-ma‘tu:f*. Responden diuji dengan soalan yang meminta mereka mengeluarkan di antara pilihan jawapan yang disediakan, mana satu jawapan yang bukan merupakan salah satu daripada jenis-jenis *al-‘adad* berkenaan. Dapatan kajian

mendapati hanya 39% responden yang dapat memilih jawapan yang tepat manakala 29% responden memilih jawapan “tidak tahu” dan bakinya 32% telah gagal memberikan jawapan yang tepat. Daripada alasan yang diberikan oleh responden yang memilih jawapan “tidak tahu”, lapan menyatakan “tidak mengulangkaji”, tujuh menyatakan “belajar, tapi tidak faham”, enam menyatakan “tidak pernah belajar”, empat menyatakan “kurang latihan” dan dua menyatakan alasan “keliru”.

Soalan ketiga bertujuan menguji responden mengenai *al-‘adad* yang tergolong dalam komponen *al-‘adad al-mufrad*. Dalam BA, *al-‘adad al-mufrad* ialah *al-‘adad* yang terdiri daripada الواحد hingga العَشْرَة serta *al-‘adad* المِئَة dan gandaannya. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa penguasaan responden agak mengecewakan, yang mana hanya 35% responden dapat menjawab dengan tepat bagi soalan ini. 14% pula memilih jawapan “tidak tahu” dengan alasan paling banyak ialah “belajar, tapi tidak faham”, iaitu dipilih oleh enam responden.

Soalan keempat meminta responden menentukan tanda *i‘ra:b al-ma‘du:d* bagi *al-‘adad* مِئَة dan gandaannya. Dalam BA, tanda *i‘ra:b al-ma‘du:d* ada tiga keadaan iaitu sama ada *al-na‘at* bagi *al-‘adad* واحد dan اثنان, *muda:f ilayhi* bagi *al-‘adad* ثَلَاثَة hingga عَشْرَة serta مِئَة dan gandaannya atau *al-tamyi:z* bagi *al-ma‘du:d* yang lain. Dapatan kajian menunjukkan kelemahan ketara responden dalam menentukan tanda *i‘ra:b al-ma‘du:d* ini. Responden amat lemah dalam menentukan tanda baris bagi *al-ma‘du:d* yang mana hanya 6% yang dapat memberikan jawapan yang betul, 26% memilih jawapan “tidak tahu” dengan sepuluh responden daripadanya memberikan alasan “belajar, tapi tidak faham”. Manakala 68% yang lain gagal memberikan jawapan yang betul.

Empat soalan terakhir dalam bahagian pengetahuan asas ini adalah berkaitan dengan *al-'adad* yang *mabniy* dan *al-'adad* yang *mu'rab*. Dalam BA, *al-'adad* yang *mabniy* hanyalah *al-'adad al-murakkab* sahaja selain daripada *al-'adad* اثْنَا عَشَرَ. Manakala *al-'adad* yang lain semuanya *mu'rab*. Dapatan kajian juga menunjukkan tahap penguasaan responden berada pada tahap yang amat lemah pada soalan lima dan enam, manakala soalan tujuh dan lapan pula, menunjukkan tahap penguasaan responden berada di tahap lemah. Dapatan kajian bagi soalan-soalan ini boleh dilihat pada jadual 4.11.

4.4.2 Menentukan Ayat Yang Mempunyai Al-Ma'du:d Dengan Fungsi Nahuan Yang Betul

Sebanyak tiga soalan disediakan untuk tujuan menguji penguasaan pelajar mengenai kedudukan dan fungsi nahuan *al-ma'du:d* di dalam ayat. *Al-ma'du:d* sepertimana yang sedia maklum, mempunyai fungsi *i'ra:b* yang berbeza-beza bergantung kepada jenis-jenis *al-'adad* sebelumnya. Terdapat tiga fungsi nahuan bagi *al-ma'du:d* iaitu sama ada *al-na'at* atau kata sifat bagi *al-'adad al-mufrad* وَاحِدٌ dan اثْنَانِ, *muda:f ilayhi* bagi *al-'adad al-mufrad* daripada ثَلَاثَةٌ hingga عَشْرَةٌ dan juga مِئَةٌ serta gandaannya atau *al-tamyi:z* bagi *al-'adad al-murakkab* dan *al-'adad al-'uqu:d*.

Responden telah dikemukakan tiga soalan yang meminta mereka memilih ayat dengan fungsi nahuan tertentu mengikut arahan soalan. Empat pilihan ayat yang mengandungi *al-ma'du:d* dengan fungsi nahuan yang berbeza disediakan, manakala pilihan jawapan yang kelima ialah “*tidak tahu*”. Berikut adalah merupakan keputusan jawapan responden bagi ketiga-tiga soalan tersebut:

JADUAL 4.12 Menentukan Ayat Yang Mempunyai Al-Ma‘du:d Dengan Fungsi Nahuan Yang Betul

Soalan	% Menjawab Dengan Betul	% Menjawab “Tidak tahu”
Menentukan ayat yang <i>al-ma‘du:dnya</i> adalah <i>al-tamyi:z</i>	30%	27%
Menentukan ayat yang <i>al-ma‘du:dnya</i> adalah <i>muda:f ilayhi</i>	21%	25%
Menentukan ayat yang <i>al-ma‘du:dnya</i> adalah <i>al-na‘at</i>	20%	37%
Skor Min	24%	

Berdasarkan dapatan kajian, didapati penguasaan pelajar dalam aspek ini berada pada tahap yang lemah, yang mana dalam ketiga-tiga soalan, kurang daripada separuh responden dapat menjawab dengan tepat. Hanya 30% responden dapat menentukan ayat yang mengandungi *al-ma‘du:d al-tamyi:z*, 21% responden dapat menentukan ayat yang mengandungi *al-ma‘du:d muda:f ilayhi* dan hanya 20% sahaja responden yang dapat menentukan dengan tepat *al-ma‘du:d* yang *al-na‘at*. Tahap penguasaan responden secara keseluruhan dalam bahagian ini juga berada pada tahap lemah dengan nilai skor minnya ialah sebanyak 24%.

Berdasarkan kepada alasan calon yang memilih jawapan “*tidak tahu*”, didapati alasan “belajar, tetapi tidak faham” mempunyai kekerapan tertinggi iaitu sebanyak 32 kali. Kekerapan kedua terbanyak ialah alasan “tidak mengulangkaji” iaitu sebanyak 17 kali. “Keliru dengan peraturan” juga mempunyai kekerapan yang agak tinggi iaitu sebanyak 15 kali, seterusnya alasan “kurang latihan” sebanyak sepuluh kali dan “tidak pernah belajar”

sebanyak enam kali. Sebanyak dua alasan dikesan diberikan oleh responden dengan alasan “lain-lain” dan kedua-duanya menyatakan alasan “lupa”.

4.4.3 Soalan Melengkapkan Ayat Bagi Membentuk Ayat Yang Sempurna

Soalan dalam bahagian ini hampir sama dengan bahagian sebelumnya iaitu menguji kepekaan responden mengenai fungsi nahuan pada *al-‘adad* dan juga *al-ma‘du:d*. Akan tetapi dalam bahagian ini, para responden diminta melengkapkan ayat dengan *al-‘adad* atau *al-ma‘du:d* berdasarkan kepada fungsi nahuannya.

Ayat pertama (..... تَسَلَّمَ كُلُّ الطَّلَبَةِ عِشْرِينَ) menuntut responden menentukan padanan *al-ma‘du:d* bagi *al-‘adad al-‘uqu:d*. Mengikut peraturan, *al-ma‘du:d* bagi *al-‘adad al-‘uqu:d* sentiasa dalam bentuk kata nama *mufrad* dengan tanda baris *fathat*, kerana berada dalam kasus akusatif sebagai *al-tamyi:z*. Maka pilihan jawapan yang betul ialah “**A** كِتَابًا”.


Bagi ayat yang kedua (..... فِي الْمَدْرَسَةِ مِئَةً وَثَلَاثَةً وَأَرْبَعُونَ), responden diminta untuk menentukan *al-ma‘du:d* bagi *al-‘adad al-ma‘tu:f*. Mengikut peraturan, *al-ma‘du:d* bagi *al-‘adad al-ma‘tu:f* ini sentiasa kata nama *mufrad* dengan tanda baris *fathat*, kerana berada dalam kasus akusatif sebagai *al-tamyi:z*. Maka pilihan jawapan yang tepat ialah “**A** طَالِيًا”.

Bagi soalan ketiga (سَافَرْتُ اثْنَانِ إِلَى الْعَاصِمَةِ), responden diuji dengan *al-‘adad al-mufrad* dalam kelompok *وَاحِدٌ* dan *اثْنَانِ*. Mengikut peraturan, *al-‘adad* tidak dimestikan untuk disebut bagi menjelaskan jumlah bilangan di antara *وَاحِدٌ* (*satu*) dan *اثْنَانِ* (*dua*). Hal ini demikian kerana, kata nama tunggal telah menunjukkan dengan sendirinya maksud

bilangan satu. Begitulah juga halnya dengan kata nama pendua, juga tidak memerlukan kepada *al-'adad* kerana *alif al-ithnayn* (ان) di hujungnya berfungsi menunjukkan kata bilangan pendua. *Al-'adad* pula didatangkan selepas kata nama sebagai *al-na'at* atau kata sifat kepada *al-ma'du:d*. Sebagai *al-na'at*, *al-'adad* akan menuruti semua keadaan kata nama sebelumnya daripada segi kejantinaan التذكير والتأنيث, ketentuan التعريف, ketidaktentuan الجَمْعُ , tunggal المفرد, penduaan التثنية dan jama' الجمع.

Soalan yang keempat daripada bahagian ini (اشتركت في الاحتفال ثلاث عشرة.....من انحاء البلاد), responden diuji dengan soalan yang menuntut mereka menentukan *al-ma'du:d* bagi *al-'adad al-murakkab*. Mengikut peraturan, *al-ma'du:d* bagi *al-'adad al-murakkab* hendaklah sentiasa kata nama tunggal yang dibaca dengan tanda baris *fathaḥ* kerana berada dalam kasus akusatif sebagai *al-tamyi:z* dan *al-ma'du:d* sentiasa mengikut bahagian kedua *al-'adad* daripada aspek feminin atau maskulin. Jadual 4.13 di bawah menunjukkan pencapaian responden dalam bahagian ini.

JADUAL 4.13 Tahap Penguasaan Bahagian Melengkapkan Ayat Dengan Al-Ma'du:d Yang Sesuai

Soalan	% Menjawab Dengan Betul	% Menjawab "Tidak tahu"
تَسَلَّمَ كُلُّ الطَّلَبَةِ عِشْرِينَ	52%	8
فِي الْمَدْرَسَةِ مِئَةٌ وَثَلَاثَةٌ وَأَرْبَعُونَ	32%	5
سَافَرْتُ اِثْنَانِ إِلَى الْعَاصِمَةِ	52%	4
اشْتَرَكْتُ فِي الْاِحْتِفَالِ ثَلَاثَ عَشْرَةَ مِنْ اِنْحَاءِ الْبِلَادِ	21%	13
Skor Min	39%	

Berdasarkan kepada jadual 4.13, didapati pencapaian responden adalah pada tahap yang lemah yang mana sebanyak 52% responden dapat menjawab dengan tepat soalan pertama dan ketiga, 32% responden dapat menjawab dengan tepat soalan kedua dan 21% responden dapat menjawab dengan tepat soalan keempat. Skor min pula ialah sebanyak 39%.

Soalan keempat bahagian ini mencatatkan pencapaian paling rendah dengan hanya 21% responden dapat memberikan jawapan yang betul dan 13% memilih jawapan “*tidak tahu*”. Sebanyak 27 responden memilih jawapan *فرقاً* dengan *al-ma‘du:d* kata nama jama‘ maskulin dalam kasus akusatif, 24 responden memilih jawapan *فرقة* dengan kata nama mufrad feminin dalam kasus nominatif dan 15 responden memilih jawapan *فرق* dengan kata nama jama‘ dalam kasus nominatif. Dapatan ini menunjukkan taburan pilihan jawapan responden adalah hampir sekata bagi setiap pilihan jawapan yang diberikan. Ini menunjukkan bahawa para responden gagal menentukan jenis *al-‘adad* yang dinyatakan dalam soalan dan gagal juga menentukan padanan *al-ma‘du:d* yang betul. Kewujudan lafaz *al-‘adad* *ثَلَاثَ عَشْرَةَ* juga tidak membantu mereka dalam meneka jawapan yang sepatutnya.

Berdasarkan kepada jawapan calon yang memilih pilihan jawapan “*tidak tahu*” pula, didapati kekerapan tertinggi alasan yang diberikan mereka ialah “keliru” iaitu sebanyak 12 kali, seterusnya alasan “belajar tetapi tidak faham” sebanyak empat kali, begitu juga alasan “tidak mengulangkaji” sebanyak empat kali, manakala terdapat sebanyak tiga kali responden memberikan alasan “kurang latihan” dan sekali responden dikesan menyatakan alasan “tidak pernah belajar”.

4.4.4 Penguasaan Terjemahan Daripada BM Ke BA

Kemahiran terjemahan adalah merupakan salah satu bentuk kemahiran yang diuji dalam BAT SPM. Soalan ini biasanya merupakan komponen utama soalan kertas dua BAT. Kebiasaannya pelajar diberikan satu perenggan pendek yang mengandungi di antara 80 hingga 100 perkataan tentang sesuatu isu dan diminta menterjemahkannya sama ada daripada BM ke BA atau sebaliknya.

Dalam soal selidik bahagian ini, responden diminta menterjemahkan tiga ayat dari BM ke BA yang mana setiap satunya mengandungi *al-'adad al-mufrad* sahaja. Dapatan soal selidik bahagian terjemahan BM ke BA ini ditunjukkan dalam jadual 4.14 di bawah.

JADUAL 4.14 Tahap Penguasaan Terjemahan Daripada BM Ke BA

Soalan: Terjemahkan ayat di bawah ke dalam BA	% Menjawab Dengan Betul	% Menjawab "Tidak tahu"
Bapa saya telah membeli tiga buah kereta	27%	3
Saya telah membaca dua buah buku	42%	0
Ada sebuah rumah di sebelah kiri sekolah	20%	6
Skor Min	30%	

Berdasarkan jadual 4.14, didapati pencapaian responden adalah di tahap yang lemah. Responden didapati sukar mencari padanan *al-ma'du:d* yang sesuai bagi setiap *al-'adad*. Ini kerana dalam BA, banyak perkara atau agen-agen dalam ayat yang menentukan perubahan baris dan bentuk kata. Inilah bentuk gangguan yang menyukarkan pelajar mencari dan menentukan jawapan yang betul.

Bagi soalan pertama bahagian terjemahan ini, taburan jawapan responden adalah hampir sama bagi setiap pilihan jawapan iaitu 29% bagi pilihan jawapan A, 27% bagi pilihan jawapan B, 17% bagi pilihan jawapan C dan 24% bagi pilihan jawapan D. Ini mengisyaratkan bahawa responden sukar untuk menentukan padanan *al-'adad* dengan *al-ma'du:d* yang sesuai mengikut peraturan Ilmu Nahu BA.

Sebanyak 37% responden memilih terjemahan قَرَأْتُ كِتَابَانِ berbanding قَرَأْتُ كِتَابَيْنِ bagi soalan yang kedua yang mengisyaratkan bahawa mereka gagal mengesan fungsi nahuan bagi kata nama pendua yang dibaca dengan ya:' apabila berada pada kasus akusatif atau genitif. Dalam ayat kedua ini, ianya digenitifkan dengan ya:' kerana berada dalam kasus akusatif sebagai *al-maf'u:l bihi*.

Sebanyak 12% responden memilih jawapan قَرَأْتُ اثْنَانِ كِتَابٍ dan 9% responden memilih pilihan jawapan قَرَأْتُ اثْنَانِ كِتَابَانِ dalam menterjemahkan soalan yang kedua ini. Ini menunjukkan bahawa mereka terkesan dengan bahasa asal mereka. Begitu juga didapati sebanyak 26% responden telah memilih terjemahan وَاحِدٌ مِّنْزِلٌ berbanding وَاحِدٌ مِّنْزِلٌ bagi soalan yang ketiga, juga mengisyaratkan bahawa mereka terkesan dengan bahasa ibunda mereka yang menyebut kata bilangan dahulu diikuti oleh penjodoh bilangan.

Menurut Nik Safiah Karim et al. (1994:355), dalam peraturan D-M tatabahasa BM, apabila unsur penerang terdiri daripada perkataan yang menunjukkan bilangan, maka penerang demikian mendahului inti, iaitu hadir di bahagian hadapan frasa nama seperti contoh berikut:

Bilangan	Penjodoh bilangan	Inti
dua	orang	calon
tiga	buah	buku
sepuluh	biji	kelapa

Peraturan ini merangkumi semua kata bilangan BM tanpa membezakan antara satu sama lain. Ini kerana dalam BM tiada pengkelasan jenis antara kata bilangan sepertimana BA. Dalam tatabahasa BM, semua kata bilangan berpasangan dengan penjodoh bilangan untuk menjadi sejenis penerang kepada kata nama yang mengikutinya. (Nik Safiah Karim et al. 1994:274)

Bagi responden yang memilih jawapan “*tidak tahu*” pula, didapati kekerapan responden memberikan alasan “keliru” adalah sebanyak tiga kali, kekerapan responden memberikan alasan “tidak mengulangkaji” juga tiga kali dan dua kali responden memberikan alasan “belajar tetapi tidak faham”.

4.4.5 Penguasaan Terjemahan Daripada BA Ke BM

Bagi soalan terjemahan daripada BA ke BM pula, keadaannya adalah berbeza. Ini kerana pencapaian para responden adalah pada tahap yang amat baik. Sebanyak 98% responden dapat memberikan jawapan yang tepat bagi soalan pertama, 92% memberikan jawapan yang tepat bagi soalan yang kedua dan 81% memberikan jawapan yang tepat bagi soalan ketiga. Skor min bagi bahagian ini pula adalah yang tertinggi iaitu sebanyak 90%.

Ini merupakan satu petunjuk bahawa para responden menguasai maksud ayat daripada aspek leksikal tetapi sukar untuk menentukan tanda *i'ra:b* dan perubahan-perubahan dalam ayat berdasarkan kepada fungsi nahuan. Apabila diajukan soalan berbentuk terjemahan daripada BA ke BM, mereka dapat menjawab dengan tepat kerana makna leksikal yang difahami itu dipindahkan ke dalam bahasa asal yang tidak mengelirukan mereka.

Sebagai perbandingan, peratus pencapaian bagi soalan yang ketiga agak rendah berbanding dengan soalan-soalan lain. Hal ini demikian kerana kekeliruan sebahagian responden dengan fungsi nahuan *alif al-ithnayn* (ان) di hujung perkataan yang berfungsi menunjukkan kata bilangan pendua. Sebanyak sepuluh responden memilih padanan jawapan “*pelajar perempuan telah datang*” tanpa menyatakan jumlahnya dan lapan responden memilih padanan jawapan “*dua pelajar lelaki telah datang*” tanpa menyedari kewujudan kkl feminin di hadapan ayat yang berfungsi menunjukkan makna feminin (*perempuan*), bukannya maskulin (*lelaki*).

Peratus keseluruhan pencapaian para responden ditunjukkan dalam jadual 4.15 di bawah.

JADUAL 4.15 Tahap Penguasaan Terjemahan Daripada BA Ke BM

Soalan: Terjemahkan ayat di bawah ke dalam BM	% Menjawab Dengan Betul	% Menjawab “Tidak tahu”
اشْتَرَيْتُ خَمْسَةَ كُتُبٍ	98%	1
عِنْدِي قَلَمٌ	92%	2
حَضَرَتِ الطَّالِبَاتَانِ	81%	0
Skor Min	90%	

Berdasarkan kepada alasan responden yang memberikan jawapan “*tidak tahu*” pula, didapati dua responden menyatakan “keliru” bagi soalan yang kedua dan seorang responden menyatakan alasan “kurang melakukan latihan” bagi soalan pertama bahagian ini.

4.4.6 Penguasaan Al-‘Adad Al-Tarti:biyy

Al-‘adad al-tarti:biyy dalam BM disebut kata bilangan tingkat (ordinal) (Ab. Malek Zainal;2003:9). *Al-‘adad al-tarti:biyy* ialah kata bilangan yang menunjukkan giliran atau urutan dalam sesuatu jumlah. Dalam BA, *al-‘adad al-tarti:biy* digunakan dengan meluas untuk menunjukkan giliran, urutan, petunjuk masa atau kedudukan sesuatu yang dihitung. *Al-‘adad* jenis ini telah didedahkan kepada pelajar sejak tingkatan satu lagi apabila mereka diperkenalkan dengan penggunaan *al-‘adad al-tarti:biyy* daripada الأَوَّلُ hingga العِشْرُونَ (Buku Teks BA Tingkatan Satu, 2007:145). Pembelajaran mengenai dengan topik ini didedahkan secara berterusan dan mencakupi semua aspek sepanjang pembelajaran BA di tingkatan dua dan tingkatan tiga.

Untuk menguji penguasaan responden mengenai *al-‘adad al-tarti:biyy* ini, sebanyak lima soalan yang berkaitan dengan waktu telah disediakan. Responden diminta memilih padanan waktu yang sesuai bagi setiap waktu yang dipaparkan dalam BM. Hasil soal selidik bahagian ini dinyatakan dalam jadual 4.16 di bawah.

JADUAL 4.16 Tahap Penguasaan al-‘Adad al-Tarti:biyy

Soalan	% Menjawab Dengan Betul	% Menjawab “Tidak tahu”
Pukul 7. ¹⁵ pagi	52%	3%
Pukul 8. ³⁰ pagi	30%	1%
Pukul 11. ⁰⁰	8%	7%
Pukul 2. ²⁰	55%	10%
Pukul 1. ⁰⁰	40%	0%
Skor Min	37%	

Berdasarkan kepada data yang dikumpul, didapati penguasaan responden dalam aspek ini adalah juga berada di tahap lemah. Walau bagaimanapun peratus kejayaan responden menjawab dengan tepat bagi soalan satu (*Pukul 7.¹⁵ pagi*) dan empat (*Pukul 2.²⁰*) adalah di tahap memuaskan iaitu masing-masing sebanyak 52% dan 55%. Bagi soalan dua dan lima, penguasaan responden adalah pada tahap lemah. Manakala soalan tiga (*Pukul 11.⁰⁰*), mencatatkan peratusan menjawab dengan tepat berada pada tahap amat lemah iaitu hanya 8% sahaja daripada keseluruhan responden. Skor min bagi bahagian ini pula ialah sebanyak 37%.

Kegagalan responden menjawab dengan tepat bagi soalan ketiga adalah berpunca daripada kesukaran mereka menukarkan *al-‘adad al-asliyy* عَشْرَ أَحَدَ dan إِحْدَى عَشْرَةَ kepada *al-‘adad al-tarti:biyy* عَشْرَ الْحَادِي dan الْحَادِيَّةَ عَشْرَةَ. Sebanyak 59% responden memilih jawapan “السَّاعَةُ إِحْدَى عَشْرَةَ” iaitu dengan menggunakan *al-‘adad al-asliyy*, bukannya *al-‘adad al-tarti:biyy* sepertimana yang sepatutnya. Ini berkemungkinan kerana kekeliruan yang dihadapi oleh

responden dalam menjawab soalan yang dikemukakan, kesan daripada bahasa asal responden. Ini kerana, dalam BM kebiasaannya petunjuk masa atau jam digunakan *al-'adad al-asliyy* bukannya *al-'adad al-tarti:biyy*.

Sebanyak 13% responden memilih jawapan “السَّاعَةُ الحَادِي عَشَرَ” dan 12% responden memilih jawapan “السَّاعَةُ الحَادِيَّةُ عَشَرَ” iaitu dengan menggunakan *al-'adad al-tarti:biyy* tetapi dengan padanan yang salah. Ini menunjukkan bahawa responden tidak menguasai konsep padanan antara maskulin dan feminin dalam *al-'adad al-tarti:biyy* ini.

Berdasarkan kepada kekerapan alasan responden yang memilih jawapan “*tidak tahu*”, didapati sebanyak tujuh kali responden menyatakan alasan “keliru”, enam kali responden menyatakan “tidak mengulangkaji”, empat kali responden menyatakan alasan “kurang latihan” dan dua kali responden menyatakan alasan “belajar tetapi tidak faham”.

Di sini dapat diperhatikan bahawa kekeliruan adalah merupakan salah satu punca para responden dan pelajar BA sukar menguasai dengan baik bahagian *al-'adad al-tarti:biyy* ini. Kekeliruan ini pula berpunca daripada peraturan bahasa yang tidak sama di antara bahasa asal responden dengan bahasa kedua yang mereka pelajari. Dalam BM, digunakan kata bilangan tentu untuk menunjukkan waktu, contohnya pukul satu, pukul dua, pukul tiga dan seumpamanya, sedangkan dalam BA, petunjuk waktu digunakan *al-'adad al-tarti:biyy* seperti الساعة الواحدة, الساعة الثَّانِيَّةُ, الساعة الثَّلَاثَةُ dan seumpamanya.

Inilah yang dinamakan oleh ahli linguistik sebagai gangguan dalam pemerolehan bahasa kedua. Menurut Abdullah Hassan (1981:270) gangguan daripada sesuatu unsur bahasa ibu sentiasa berlaku semasa seseorang dewasa mempelajari satu bahasa lain. Beliau mendatangkan contoh seorang Melayu yang mempelajari BI didapati sukar menyebut bunyi

sebutan [t] sebagaimana dengan aspirasi dalam BI. Begitu juga didapati seorang Melayu yang bertutur BI cenderung menambahkan kata partikel [lah] apabila menggunakan BI. Umpamanya ayat [*I want to go home*] akan disebut oleh penutur Melayu [*I want to go homelah*].

4.4.7 Melengkapkan Perenggan Pendek Dengan Al-'Adad Yang Betul Mengikut Fungsi Nahuan

Dalam bahagian ini, responden dikemukakan dengan lima soalan yang agak tinggi arasnya. Para responden diminta melengkapkan tempat kosong dengan cara menukarkan *al-'adad* yang dinyatakan dalam bentuk angka kepada *al-'adad* dalam bentuk perkataan, dalam satu perenggan pendek. Ini dilakukan dengan mengambil kira kedudukan *al-'adad* dalam ayat. Ini bererti para responden dikehendaki menentukan *al-'adad* yang betul bagi setiap angka yang dinyatakan, selain daripada menentukan tanda kasus yang tepat bagi setiap *al-'adad* berkenaan. Walau bagaimanapun soalan ini merupakan sedutan daripada soalan latihan dalam buku teks BAT tingkatan lima yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (Buku Teks BAT Tingkatan Lima, 2003:128) dan merupakan adaptasi daripada soalan peperiksaan SPM kertas 1 tahun 2007. Soalan ini juga bertepatan dengan objektif keenam pembelajaran tajuk ini dalam BAT, sepertimana yang digariskan oleh JAPIM, KPM (2003:40) iaitu pelajar akan dapat menukarkan angka kepada *al-'adad* dalam bentuk perkataan dengan melihat kepada *al-ma'du:d*.

Dalam soalan pertama bahagian ini, responden dikehendaki menentukan padanan *al-'adad* (5) dengan tanda kasus yang sesuai berdasarkan *al-ma'du:d* مَرَّاتٍ selepasnya. Oleh kerana

al-ma'du:d adalah kata nama jama' feminin, maka *al-'adad* yang tepat ialah *خَمْسٌ* maskulin kerana *al-'adad al-mufrad* di antara *ثَلَاثَةٌ* hingga *عَشْرَةٌ* sentiasa bersalahan dengan *al-ma'du:d* daripada aspek feminin dan maskulin. Tanda baris yang sesuai bagi *al-'adad* ini pula ialah *fathaṭ*, kerana berkedudukan dalam kasus akusatif sebagai *badal* kepada *الصَّلَاةَ*.

Soalan kedua bahagian ini pula, adalah merupakan *al-'adad al-mufrad* dalam kelompok *وَاحِدٌ* dan *اِثْنَانٍ* yang berada selepas *al-ma'du:d* sebagai *al-na'at* atau kata sifat kepada kata nama sebelumnya. Sebagai *al-na'at*, *al-'adad* akan menuruti semua keadaan kata nama sebelumnya daripada segi kejantinaan, ketentuan, ketidaktentuan, tunggal, penduaan dan jama'. Oleh kerana kata nama sebelumnya ialah kata nama feminin pendua dalam kasus nominatif sebagai *al-khabar*, maka tanda nominatifnya ialah alif. Oleh hal yang demikian, *al-na'at* yang sesuai bagi melengkapkan perenggan ini ialah *اِثْنَانٍ*, dalam keadaan kata nama feminin yang nominatif dengan alif sebagai *al-na'at*.

Soalan ketiga dan keempat datang dengan fungsi *i'ra:b* yang sama iaitu berkedudukan sebagai predikat atau *al-khabar* kepada *al-mubtada:'* sebelumnya. Sebagai *al-khabar*, *al-'adad* *أَرْبَعٌ* dan *ثَلَاثٌ* dinominatitkan dengan tanda baris *dammāṭ* yang nyata di akhirnya. Daripada aspek padanan *al-'adad* dengan *al-ma'du:d*, ianya sama dengan soalan pertama bahagian ini.

Soalan terakhir bahagian ini pula, responden diuji dengan *al-'adad al-ma'tu:f سَبْعٌ وَعِشْرُونَ* yang merupakan *al-'adad* yang *mu'rab*. Sebagai *al-'adad* yang *mu'rab*, tanda *i'ra:b*nya sentiasa berubah-ubah dengan adanya perubahan agen-agen dalam struktur ayat. Dalam ayat ini, *al-'adad* didahului dengan partikel *jarr* yang berfungsi menggenitifkan semua kata nama selepasnya. Ini bererti *al-'adad* *سَبْعٍ* mesti dibaca dengan tanda baris *kasraṭ* kerana

berada dalam kasus genitif sebagai kata nama *majru:r* dengan *بِ*. Kata nama *ma'tu:f* selepasnya pula digenitifkan dengan *ya:'* kerana ianya *mulhaq* dengan *jama' mudhakkar sa:lim*. Jadual 4.17 di bawah, menunjukkan peratus pencapaian semua responden dalam soal selidik bahagian ini.

JADUAL 4.17 Melengkapkan Perenggan Pendek Dengan al-'Adad Yang Betul

Soalan	% Menjawab Dengan Betul	% Menjawab "Tidak tahu"
[27] _____ مَرَاتِ فَرَضَ اللهُ عَلَى الْمُسْلِمِينَ الصَّلَاةَ (5)	50%	5%
كُلَّ يَوْمٍ وَلَيْلَةٍ. صَلَاةُ الصُّبْحِ رَكْعَتَانِ (2)	35%	8%
[28] _____ وَصَلَاةُ الظُّهْرِ وَالْعَصْرِ وَالْعِشَاءِ (4)	17%	6%
[29] _____ رَكَعَاتٍ، وَصَلَاةُ الْمَغْرِبِ (3) [30]	31%	7%
رَكَعَاتٍ. وَصَلَاةُ الْجَمَاعَةِ أَفْضَلُ مِنْ صَلَاةِ الْفَدِّ بِ (27) [31] _____ دَرَجَةً.	14%	8%
Skor Min	29.4%	

Berdasarkan dapatan kajian, didapati para responden berada pada tahap yang lemah dalam bahagian ini. Hanya soalan pertama sahaja, yang mencatatkan peratus menjawab dengan tepat pada tahap memuaskan iaitu menyamai separuh daripada jumlah responden. Manakala soalan-soalan yang lain mencatatkan peratusan menjawab dengan tepat kurang daripada separuh. Soalan tiga dan lima berada pada tahap amat lemah dengan peratus menjawab dengan betul hanya 17% dan 14% bagi setiap soalan. Skor min bagi bahagian ini ialah sebanyak 29.4%.

Soalan yang mencatatkan peratusan menjawab dengan tepat paling rendah ialah soalan terakhir iaitu hanya 14% sahaja. 47% responden memilih jawapan سَبْعَةٌ وَعِشْرُونَ, 17% responden memilih jawapan سَبْعَةٌ وَعِشْرُونَ, 14% memilih jawapan سَبْعٌ وَعِشْرُونَ dan 8% memilih jawapan “tidak tahu”. Daripada taburan jawapan yang dikemukakan oleh responden, jelas bahawa mereka gagal mengaitkan fungsi nahuan pada *al-‘adad* dan juga *al-ma‘du:d* dengan baik. Berkemungkinan para responden tidak sedar akan fungsi partikel *jarr* di awal *al-‘adad* yang menyebabkan *al-‘adad* berkenaan perlu digenitifkan. Mereka juga gagal mengesan petunjuk daripada *al-tamyi:z* di akhir ayat yang memberikan panduan tentang *al-‘adad* yang paling tepat yang perlu digunakan dalam situasi ini.

Berdasarkan kepada kekerapan alasan yang diberikan oleh responden yang memilih pilihan jawapan “tidak tahu”, didapati alasan “tidak mengulangkaji” mencatatkan kekerapan paling tinggi iaitu sebanyak 16 kali, diikuti alasan “keliru” sebanyak 13 kali, alasan “belajar, tetapi tidak faham” dua kali dan seorang responden memberikan alasan “kurang membuat latihan”.

4.4.8 Penguasaan I‘ra:b Al-‘Adad Dan Al-Ma‘du:d .

Di dalam huraian sukatan BAT Tingkatan Lima (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003:40) dinyatakan dengan jelas bahawa di antara objektif pengajaran dan pembelajaran tajuk *al-‘adad wa al-ma‘du:d* BAT ialah pada tahap ketiga para pelajar akan dapat “*i‘ra:b al-‘adad wa al-ma‘du:d* dengan sempurna”. Ini bermakna para pelajar BAT yang cemerlang akan didedahkan dengan pengetahuan *i‘ra:b* yang dilabelkan sebagai pengetahuan aras ketiga ini.

Menurut Muhammad Da:riyy Hama:diyy (1982:51), *i'ra:b* merupakan keistimewaan terbesar BA yang telah terpelihara sejak daripada zaman pemulaannya lagi dan terus berkekalan dengan keistimewaan ini sehingga ke hari ini, dengan adanya kelebihan Islam dan kitab sucinya yang kekal abadi.

I'ra:b merupakan salah satu keistimewaan BA yang tidak terdapat dalam bahasa-bahasa lain. *I'ra:b* sepertimana yang dinyatakan oleh al-Jurja:niyy (1998:47) ialah perubahan pada akhir perkataan dengan adanya perubahan agen-agen, sama ada secara lafaz yang nyata atau secara andaian.

Sementara itu, 'Abba:s Hasan (tt;Vol.1:74) menyatakan *i'ra:b* ialah perubahan tanda baris yang terjadi di akhir perkataan, dengan sebab adanya perubahan agen-agen yang masuk ke atasnya dan tuntutan setiap agen yang masuk berkenaan.

Berdasarkan kepada takrifan yang diberikan oleh nahuan Arab lama dan moden ini, jelaslah bahawa *i'ra:b* ialah tanda yang terletak di hujung perkataan untuk menunjukkan status serta fungsi sesuatu perkataan dalam sesuatu ayat. Perubahan tanda baris di akhir sesuatu perkataan ini terjadi ekoran daripada perubahan egen-egen tertentu yang berada sebelumnya yang juga merupakan penyebab kepada terjadinya nominatif, akusatif, genitif dan jusif sesuatu perkataan. Perubahan tanda baris di akhir perkataan ini, mengakibatkan perubahan makna sesuatu ayat. Ini merupakan salah satu keistimewaan yang terdapat di dalam BA.

Untuk menguji kefahaman dan penguasaan responden mengenai dengan *i'ra:b al-'adad wa al-ma'du:d* ini, empat soalan berkaitan telah disediakan. Soalan-soalan ini berbeza dengan soalan-soalan sebelumnya kerana para responden diminta menulis sendiri jawapan bagi

setiap soalan, bukannya memilih daripada cadangan jawapan yang disediakan. Soalan-soalan ini merangkumi dua soalan yang menuntut responden mengi‘rabkan *al-‘adad* dan dua soalan yang menuntut responden mengi‘rabkan *al-ma‘du:d*. Hasil soal selidik bahagian ini dinyatakan dalam jadual 4.18 di bawah.

JADUAL 4.18 Tahap Penguasaan I‘ra:b Al-‘Adad Dan Al-Ma‘du:d .

Soalan: I‘ra:b perkataan bergaris di bawah	% Menjawab Dengan Betul	% Menjawab “Tidak tahu”
قَرَأْتُ كِتَابًا وَاحِدًا فِي الْمَكْتَبَةِ	10%	39%
رَأَيْتُ مِئَةَ سَيَّارَةٍ فِي الْمَدِينَةِ	5%	36%
رَأَيْتُ أَحَدَ عَشَرَ كَوَكَبًا	19%	37%
رَأَيْتُ مِئَةَ سَيَّارَةٍ فِي الْمَدِينَةِ	10%	35%
Skor Min	11%	

Berdasarkan jadual 4.18, didapati tahap penguasaan *i‘ra:b al-‘adad wa al-ma‘du:d* dalam kalangan responden berada pada tahap yang amat lemah. Peratus paling besar menjawab dengan tepat ialah pada soalan ketiga iaitu sebanyak 19% dan peratus paling kecil responden yang menjawab dengan tepat ialah pada soalan kedua iaitu sebanyak 5% sahaja. Tahap penguasaan responden terhadap bahagian *i‘ra:b* secara keseluruhan berada pada tahap amat lemah dengan skor min bagi bahagian ini hanya sebanyak 11%.

Bahagian ini juga mencatatkan purata peratusan responden memilih jawapan “*tidak tahu*” paling besar iaitu sebanyak 36.8% dengan kekerapan sebanyak 147 kali, dengan berbagai-bagai alasan. Alasan “belajar, tetapi tidak faham” mempunyai kekerapan tertinggi iaitu sebanyak 72 kali, diikuti dengan alasan “tidak mengulangkaji” sebanyak 29 kali. Alasan

“kurang latihan” berada pada tahap ketiga paling kerap diberikan oleh responden, diikuti alasan “keliru” sebanyak 16 kali. Sebanyak tujuh kali responden dikesan menyatakan alasan “tidak pernah belajar”.

Berdasarkan dapatan ini, didapati penguasaan bahagian *i'ra:b* ini sangat lemah. Terdapat ramai responden cuba menjawab bahagian ini, tetapi dengan jawapan yang tidak menepati kehendak soalan. Jadual 4.19 menunjukkan contoh jawapan pelajar yang dipilih secara rawak yang dianggap tidak menepati kehendak soalan bagi soalan ketiga bahagian ini.

**JADUAL 4.19 Contoh I'ra:b Yang Dikemukakan Responden Yang Tidak Memenuhi
Kehendak Soalan**

Soalan 3: <i>I'ra:b</i> perkataan bergaris di bawah: إني رأيت أحد عشر كوكبا	
Responden	Contoh jawapan responden
Responden 18	كوكبا: اشتناء منصوب بفتح
Responden 37	كوكبا: مفعول به مرفوع بألف
Responden 40	كوكبا: منصوب بالفتحة
Responden 42	كوكبا: نائب فاعل
Responden 50	كوكبا: اسم
Responden 69	كوكبا: نعت
Responden 84	كوكبا: مضاف إليه منصوب بالفتحة
Responden 87	كوكبا: مفعول به منصوب بالفتحة
Responden 89	كوكبا: مجرور بالضممة
Responden 91	كوكبا: مفرد منصوب بالفتحة

Contoh jawapan responden yang dipilih secara rawak ini mendedahkan situasi sebenar penguasaan bahagian *i'ra:b* yang dianggap komponen penting dalam pembelajaran Nahu BA. Walaupun responden telah berada di tingkatan lima dan telah melalui dua kurikulum pembelajaran BA, tetapi masih lagi menghadapi kesukaran menguasai bahagian ini. Responden didapati gagal menentukan konsep *i'ra:b* dengan tepat dan tidak juga menguasai tanda-tanda *i'ra:b* seperti *marfu:'*, *mansu:b*, *majru:r* dan *majzu:m*. Justeru itulah kedapatan jawapan-jawapan seperti berikut: *maf'u:l bihi marfu:' bi al-alif*, *majru:r bi al-dammat* dan seumpamanya sepertimana yang dipaparkan di dalam jadual 4.19.

4.5 Rumusan Dapatan Kajian

Dapatan kajian ini mendapati tahap penguasaan responden terhadap tajuk kajian iaitu *al-'adad wa al-ma'du:d* BA berada pada tahap lemah. Untuk mengenalpasti penguasaan keseluruhan responden mengenai tajuk kajian, skor min bagi setiap bahagian dicampur dan dibahagikan mengikut jumlah keseluruhan bahagian soalan.

Jadual 4.20 di bawah menunjukkan purata pencapaian keseluruhan responden dalam soal selidik ini.

JADUAL 4.20 Purata Pencapaian Responden Dalam Semua Bahagian

Bil	Bahagian	Skor Min	Tahap
1	Pengetahuan asas <i>al-'adad wa al-ma'du:d</i>	32.1%	Lemah
2	Menentukan ayat yang mempunyai <i>al-ma'du:d</i> dengan fungsi nahuan yang betul	24%	Lemah

Bil	Bahagian	Skor Min	Tahap
3	Melengkapkan ayat dengan <i>al-'adad</i> atau <i>al-ma'du:d</i> bagi membentuk ayat yang sempurna	39%	Lemah
4	Penguasaan Terjemahan BM ke BA	30%	Lemah
5	Penguasaan Terjemahan BA ke BM	90%	Amat baik
6	Penguasaan <i>Al-'Adad Al-Tarti:biyy</i>	37%	Lemah
7	Mengisi <i>al-'adad</i> dalam petikan berdasarkan fungsian	29.4%	Lemah
8	Penguasaan <i>i'ra:b al-'adad wa al-ma'du:d</i>	11%	Amat lemah
9	Skor Min Keseluruhan	36.6	Lemah

Berdasarkan jadual 4.20, didapati hanya bahagian terjemahan BA ke BM sahaja yang mencatatkan purata pencapaian yang amat baik, manakala bahagian-bahagian lain mencatatkan peratus pencapaian yang kurang memberangsangkan iaitu dengan skor min kurang daripada 40%. Purata pencapaian bahagian *i'ra:b* mencatatkan pencapaian yang paling rendah iaitu hanya 11% sahaja, diikuti dengan bahagian kedua iaitu menentukan ayat dengan jenis *al-ma'du:d* yang sesuai sebanyak 24%. Dapatan ini menunjukkan bahawa bahagian *i'ra:b* merupakan salah satu bahagian yang paling sukar dikuasai oleh kebanyakan para pelajar.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan tahap penguasaan dan kefahaman pelajar terhadap tajuk kajian adalah di tahap lemah. Pelajar masih gagal membezakan antara *al-'adad* yang *mabniy* dengan *al-'adad* yang *mu'rab*, masih gagal menentukan dan

membezakan di antara *al-ma'du:d* yang berfungsi sebagai *al-tamyi:z* dengan *muda:f ilayhi* atau *al-na'at*, masih gagal menentukan padanan *al-'adad* dan *al-ma'du:d* yang sesuai serta gagal juga untuk menterjemah ayat-ayat pendek daripada BM ke BA.

4.6 Taburan Alasan Bagi Jawapan “Tidak Tahu”.

Jadual 4.21 menunjukkan taburan alasan yang diberikan oleh responden yang memilih jawapan “*tidak tahu*”. Secara keseluruhannya, sebanyak 73 orang responden (73%) telah memilih jawapan “*tidak tahu*” dengan kekerapan yang berbeza-beza dan hanya 27% sahaja responden yang menjawab penuh semua soalan yang dikemukakan, tanpa memilih pilhan jawapan berkenaan.

Jumlah tertinggi seorang responden memilih jawapan “*tidak tahu*” ialah sebanyak 23 kali iaitu mewakili 65% daripada jumlah keseluruhan soalan. Sebanyak enam alasan telah diberikan oleh responden tentang sebab mengapa mereka memilih pilihan jawapan ini. Kesimpulannya, jumlah terkumpul kekerapan responden memilih jawapan “*tidak tahu*” dan mengemukakan alasan ialah sebanyak 469 kali iaitu mewakili 13.4% daripada jumlah keseluruhan jawapan responden.

Daripada keseluruhan alasan yang diberikan, alasan “belajar, tetapi tidak faham” mencatatkan jumlah terbanyak iaitu sebanyak 37.1%, diikuti dengan alasan “tidak mengulangkaji” sebanyak 23.5%. Alasan “keliru” mencatatkan jumlah ketiga tertinggi iaitu sebanyak 17.7%, diikuti dengan alasan “kurang buat latihan” 13% dan “tidak pernah belajar” 8.1%. Sebanyak 0.6% atau 3 kali responden memilih pilihan lain-lain alasan dengan menyatakan “terlupa”

JADUAL 4.21 Taburan Alasan Responden Yang Memilih Jawapan “Tidak Tahu”

Alasan	Jumlah	Peratus
Belajar tetapi tidak faham	174	37.1
Tidak mengulangkaji	110	23.5
Keliru	83	17.7
Kurang buat latihan	61	13.0
Tidak pernah belajar	38	8.1
Lain-lain...	3	0.6
Jumlah	469	100.0


4.7 Tahap Pencapaian Responden

Dalam bahagian ini, pengkaji akan mengemukakan tahap pencapaian keseluruhan responden di kedua-dua lokasi kajian. Tahap pencapaian responden ini diukur berdasarkan kepada jumlah markah terkumpul oleh setiap mereka dalam soal selidik yang dijalankan dengan berpandukan kepada Interpretasi Skor Min dalam jadual 4.9.

Pencapaian keseluruhan responden diukur dalam bentuk markah untuk melihat tahap pencapaian keseluruhan semua mereka dalam tajuk kajian. Skor markah mereka akan dipadankan dengan interpretasi skor min dan dikumpulkan mengikut kategori amat baik, baik, memuaskan, lemah dan amat lemah. Dapatan ini akan dinyatakan dalam bentuk graf untuk melihat taburan pencapaian keseluruhan kesemua responden dalam ujian soal selidik

yang telah dijalankan. Dapatkan skor keseluruhan markah terkumpul bagi 100 orang responden adalah seperti yang dinyatakan dalam graf 4.1 di bawah.

GRAF 4.1: Taburan Tahap Pencapaian Keseluruhan Responden Dalam Soal Selidik



Daripada graf 4.1 di atas, didapati tiada seorang pun responden yang mampu mencatatkan keputusan “amat baik” dalam soal selidik ini. Hanya tiga responden yang berjaya menempatkan diri mereka dalam kelompok berpencapaian “baik”. Majoriti responden berada dalam kelompok “lemah” yang mana sebanyak 57% responden mencatatkan markah pencapaian pada tahap berkenaan. 14% peratus responden pula berada pada tahap yang sangat membimbangkan iaitu “amat lemah”. Jika dikumpulkan skor “lemah” dan “amat lemah” ini, didapati peratusan yang besar terkumpul pada tahap berkenaan iaitu sebanyak 71%.

Berdasarkan dapatan ini, suatu langkah yang serius perlu dilakukan untuk meningkatkan penguasaan pelajar dan menangani masalah pencapaian yang kurang memberangsangkan

dalam kalangan mereka ini. Motivasi pelajar perlu ditingkatkan, cara penyampaian guru perlu dipelbagaikan dan penggunaan kaedah pengajaran yang berkesan perlu diterapkan agar pencapaian dan penguasaan mereka akan bertambah baik.

4.8 Kesimpulan

Berdasarkan kepada data-data yang diperolehi dan dianalisis, pengkaji membuat kesimpulan bahawa pelajar-pelajar masih lagi di tahap yang lemah dalam aspek yang dikaji. Bertepatan dengan objektif kajian iaitu untuk mengenalpasti aspek *al-'adad wa al-ma'du:d* BA yang paling sukar untuk dikuasai oleh pelajar serta puncanya, di sini pengkaji membuat kesimpulan bahawa penguasaan *i'ra:b* merupakan bahagian yang paling sukar dikuasai oleh kebanyakan pelajar. Pelajar di dapati sukar menentukan tanda kasus bagi *al-'adad*. Pelajar juga didapati sukar menentukan *al-ma'dud* dengan fungsi nahuan yang betul sama ada *al-tamyi:z* atau *muda:f ilayhi* ataupun *al-na'at*. Pelajar juga didapati sukar menterjemahkan *al-'adad* dan *al-ma'du:d* daripada BM ke BA.

Beberapa punca kepada kesukaran ini yang dapat dikesan melalui dapatan kajian ialah:

- 1) Keliru dengan peraturan bahasa yang dipelajari. Ini kerana terdapat banyak peraturan dalam Nahu BA yang berkaitan dengan *al-'adad wa al-ma'du:d* yang tiada dalam bahasa asal pelajar.
- 2) Sikap pelajar terhadap pembelajaran yang kurang memberangsangkan. Berdasarkan kepada kekerapan alasan yang diberikan oleh responden yang memilih jawapan “*tidak tahu*”, 23.5% daripadanya ialah “tidak mengulangkaji” dan 13% daripadanya ialah

“kurang membuat latihan”. Kedua-dua alasan ini menunjukkan sikap responden yang kurang memuaskan terhadap pembelajarannya.

- 3) Pengajaran guru yang berkemungkinan tidak berkesan. Ini kerana berdasarkan kepada kekerapan alasan yang diberikan oleh responden yang memilih jawapan “*tidak tahu*”, 37% daripadanya ialah alasan “belajar, tetapi tidak faham”. Ini merupakan peratus kekerapan tertinggi di antara alasan-alasan yang dikemukakan oleh responden.

Pengkaji yakin bahawa kemampuan dan penguasaan yang baik dalam sesuatu tajuk mata pelajaran merupakan asas untuk mencapai kecemerlangan dalam pelajaran. Oleh itu, para pelajar perlu menggandakan usaha mereka untuk lebih menguasai dan memahami setiap pelajaran yang didedahkan kepada mereka dan para guru juga mestilah berusaha untuk meningkatkan mutu penyampaian mereka, agar pemahaman dan penguasaan para pelajar terhadap tajuk yang disampaikan akan mencapai tahap yang lebih membanggakan.